UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI | FAKULTI PERUBATAN VETERINAR FACULTY OF VETERINARY MEDICINE فاكولتي ڤروبتن ۏيتريانر

# HOSPITAL VETERINAR UNIVERSITI
# FAKULTI PERUBATAN VETERINAR, UPM

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Individu (warganegara Malaysia) yang berkelayakan dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di bawah seperti berikut:

## (1) PEGAWAI EKSEKUTIF 3/ PEGAWAI EKSEKUTIF 2 (SETARA PEGAWAI VETERINAR GRED GV41 DAN GRED GV48) – DOKTOR HAIWAN

Klasifikasi Perkhidmatan : Skim Perkhidmatan Bukan Akademik, UPM

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Gaji : Pegawai Eksekutif 3: RM4,575.00 (tiada elaun)
Pegawai Eksekutif 2: RM5,270.00 (tiada elaun)

Syarat Lantikan :

(1) Warganegara Malaysia;

(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

<u>Bidang/ Kelayakan Khusus:</u>

(3) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

**DAN**

<u>Syarat Lantikan Tambahan</u>:

(4) berdaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua;

<u>Syarat Bahasa Melayu:</u>

(5) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat SPM/ SVM;

**DAN**

Bidang Kelayakan Akademik:

(6) Sains Veterinar;

Syarat Lantikan Khusus bagi PE2:

(7) Pengalaman berkhidmat di hospital/ klinik veterinar sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas : Umum:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas merawat pesakit yang terdiri daripada haiwan kesayangan dan haiwan besar termasuk haiwan ladang dan eksotik.

Khusus:

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggung Jawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Kriteria Lain : Bersedia untuk bekerja dalam sistem 2 syif.

## (2) PENOLONG PEGAWAI VETERINAR (G29)

Klasifikasi Perkhidmatan : Skim Perkhidmatan Bukan Akademik, UPM

Kumpulan : Pelaksana

Gaji :

| | | | |
|---|---|---|---|
| Gaji Pokok | Kelayakan Masuk | Sijil Veterinar | RM1,494.00 |
| | | Diploma | RM1,923.06 |

Syarat Lantikan : (1) Warganegara Malaysia;

(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

**Kelayakan Masuk: Sijil**

(3) Bidang/ Kelayakan Khusus:

(4) Sijil Veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang setaraf dengannya;

**ATAU**

**Kelayakan Masuk: Diploma**

Bidang/ Kelayakan Khusus:

(5) Diploma dalam bidang kesihatan haiwan dan

penternakan atau sains veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

Syarat Bahasa Melayu:

(6) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat SPM/ SVM;

**DAN**

Bidang Kelayakan Akademik:

(7) Sains Veterinar.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas : Umum:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas dalam membantu Pegawai Veterinar merawat pesakit yang terdiri daripada haiwan kesayangan dan haiwan besar termasuk haiwan ladang dan eksotik.

Khusus:

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggung Jawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Kriteria Lain : Bersedia untuk bekerja dalam sistem 2 syif.

## (3) PEMBANTU VETERINAR (G19)

Klasifikasi Perkhidmatan : Skim Perkhidmatan Bukan Akademik, UPM

Kumpulan : Pelaksana

Gaji :

| | | | |
|---|---|---|---|
| Gaji Pokok | Kelayakan Masuk | SPM/ SVM | RM1,357.00 |
| | | SPM & SKM 2 | RM1,413.40 |
| | | SPM & SKM 3 | RM1,469.80 |

Syarat Lantikan : (1) Warganegara Malaysia;

(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

**Kelayakan Masuk: Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**

Bidang/ Kelayakan Khusus:

(3) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf

setaraf dengannya oleh Kerajaan;

**ATAU**

**Kelayakan Masuk: Sijil Vokasional Malaysia (SVM)**

Bidang/ Kelayakan Khusus:

(4) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan;

**ATAU**

**Kelayakan Masuk: SPM dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2**

Bidang/ Kelayakan Khusus:

(5) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

**ATAU**

**Kelayakan Masuk: SPM dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3**

Bidang/ Kelayakan Khusus:

(6) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

Kelayakan SPM:

(7) Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau

(8) Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut;

**ATAU**

Kelayakan SVM:

(9) Mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan

(10) kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat

skim perkhidmatan;

**DAN**

Syarat Bahasa Melayu:

(11) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat SPM/ SVM

| | | |
|---|---|---|
| Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| Ringkasan Tugas | : | (1) Membantu dalam pengurusan dan penjagaan haiwan;<br>(2) Membersihkan dan mengemas kawasan wad haiwan dan kawasan sekitarnya;<br>(3) Menyediakan makanan dan minuman pesakit pada masa yang ditetapkan;<br>(4) Membuang sisa klinikal mengikut peraturan yang ditentukan;<br>(5) Membantu urusan pelupusan bangkai haiwan;<br>(6) Tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa; dan<br>(7) Pemohon haruslah bersedia untuk terlibat dengan haiwan kesayangan dan haiwan besar termasuk haiwan ladang dan haiwan eksotik. |
| Kriteria Lain | : | Bersedia untuk bekerja dalam sistem 2 syif. |

## (4) PEMBANTU AWAM (H11)

| | | |
|---|---|---|
| Klasifikasi Perkhidmatan | : | Skim Perkhidmatan Bukan Akademik, UPM/ Kemahiran |
| Kumpulan | : | Pelaksana |
| Gaji | : | Gaji Pokok: RM1,218.00 |
| Syarat Lantikan | : | (1) Warganegara Malaysia;<br>(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;<br>(3) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;<br><br>Kelayakan PT3/ PMR/ SRP<br><br>(4) Syarat Minimum: |

| Subjek | PT3 | PMR | SRP |
|---|---|---|---|
| Bahasa Melayu | Kepujian (Gred C) | Kepujian (Gred C) | Kepujian (Gred 6) |
| Matematik | Lulus (Gred E) | Lulus (Gred D) | Lulus (Gred 7 atau 8) |
| Tiga (3) subjek lain | Lulus (Gred E) | Lulus (Gred D) | Lulus (Gred 7 atau 8) |

**DAN**

Syarat Bahasa Melayu:

(5) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat PT3/ PMR.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas :

(1) Membersihkan dan mengemas kawasan wad haiwan dan kawasan sekitarnya;

(2) Membersihkan kandang haiwan dan ruang kerja yang terlibat;

(3) Menyediakan makanan dan minuman pesakit pada masa yang ditetapkan;

(4) Membuang sisa klinikal mengikut peraturan yang ditentukan;

(5) Membantu urusan pelupusan bangkai haiwan;

(6) Menjalankan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja;

(7) Tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa; dan

(8) Pemohon haruslah bersedia untuk terlibat dengan haiwan kesayangan dan haiwan besar termasuk haiwan ladang dan haiwan eksotik.

Kriteria Lain : Bersedia untuk bekerja dalam sistem 2 syif.

## (5) PEGAWAI FARMASI (UF41)

Klasifikasi Perkhidmatan : Skim Perkhidmatan Bukan Akademik, UPM

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Gaji : Gaji Pokok: RM2,740.00

Syarat Lantikan : (1) Warganegara Malaysia;

(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

(3) ijazah sarjana muda dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta berdaftar dengan Lembaga Farmasi Malaysia;

**DAN**

Syarat Bahasa Melayu:

(4) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat SPM/ SVM.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas : (1) Berkhidmat di Hospital Veterinar Universiti dengan menjalankan aktiviti-aktiviti pengurusan farmasi iaitu perolehan, bekalan, pendispensan produk-produk farmaseutikal dan farmasi klinikal;

(2) Menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasa undang-undang farmasi termasuk urusan pentadbiran;

(3) menjalankan aktiviti-aktiviti regulatori: pendaftaran serta aktiviti pelesenan; dan

(4) Tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Kriteria Lain : Bersedia untuk bekerja dalam sistem 2 syif.

## (6) PENOLONG PEGAWAI FARMASI (U29)

Klasifikasi Perkhidmatan : Skim Perkhidmatan Bukan Akademik, UPM

Kumpulan : Pelaksana

Gaji : Gaji Pokok: RM1,797.00

Syarat Lantikan : (1) Warganegara Malaysia;

(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

(3) Diploma dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

**DAN**

Syarat Bahasa Melayu:

(4) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat SPM/ SVM.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas :

(1) Sebelum gedung ubat dibuka untuk perkhidmatan, Pembantu Farmasi memastikan kebersihan gedung ubat, khasnya di kaunter gedung ubat, kebersihan gelas-gelas sukatan dan semua alatan;

(2) Memeriksa dan memenuhi semua botol-botol bancuhan yang kosong, pil-pil,losen untuk penyediaan perkhidmatan di hari itu;

(3) Pembahagian ubatan kepada pelanggan/ pesakit dan memberi keterangan yang betul atas kegunaan ubat yang diberikan dengan bahasa yang difahami oleh pelanggan/ pesakit;

(4) Membekal campuran, losen dan 'ointments' kepada wad-wad dengan menentukan label-label dengan terang dan bersih;

(5) Membantu di dalam menyediakan stok-stok yang banyak seperti butir-butir campuran, losen, 'ointments' dan membotolkan dengan segera untuk pembahagian;

(6) Menjalankan kerja di gedung ubat atau klinik sebagaimana di arah oleh Penguasa Ahli Kimia Ubat untuk memastikan kelicinan perkhidmatan farmasi; dan

(7) Tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Kriteria Lain : Bersedia untuk bekerja dalam sistem 2 syif.

## (7) JURUTEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN (U29)

Klasifikasi Perkhidmatan : Skim Perkhidmatan Bukan Akademik, UPM

Kumpulan : Pelaksana

Gaji : Gaji Pokok: RM1,797.00

Syarat Lantikan :

(1) Warganegara Malaysia;

(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup

iklan;

(3) Diploma dalam bidang teknologi makmal perubatan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**DAN**

Syarat Bahasa Melayu:

(4) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat SPM/ SVM.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas : Umum

Bertanggungjawab menjalankan pendiagnosan sampel-sampel darah, urin, bendalir badan secara profesional, mengesahkan keputusan ujian, mengeluarkan serta menyediakan laporan ujian yang berkualiti, tepat, cepat boleh dipercayai serta memberi khidmat nasihat memenuhi keperluan dan harapan stakeholders.

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas.

Kriteria Lain : Bersedia untuk bekerja dalam sistem 2 syif.

## (8) JURU X-RAY (U29)

Klasifikasi Perkhidmatan : Skim Perkhidmatan Bukan Akademik, UPM

Kumpulan : Pelaksana

Gaji : Gaji Pokok: RM1,797.00

Syarat Lantikan : (1) Warganegara Malaysia;

(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

(3) Diploma dalam bidang radiografi, pengimejan perubatan, radioterapi atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

**DAN**

Syarat Bahasa Melayu:

(4) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat SPM/ SVM.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas : Umum

Bertanggungjawab menghasilkan imej perubatan untuk membantu pakar dan Pegawai Veterinar dalam mendiagnos penyakit, menilai imej dan radiografi yang dihasilkan, menguruskan hal-hal yang berkaitan permohonan pemeriksaan radiografi, bertanggungjawab terhadap penjagaan dan kawalan mutu peralatan yang digunakan serta tugas-tugas perancangan, pengurusan, latihan dan penyelidikan bagi meningkatkan dan mengawal mutu perkhidmatan Juru X-Ray.

Khusus

Akan ditetapkan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab atau pegawai yang menyelia mengikut keperluan perkhidmatan dan tugas

Kriteria Lain : (1) Bersedia untuk bekerja dalam sistem 2 syif; dan

(2) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dan berpengetahuan dalam mengendalikan kerja-kerja pengimejan ke atas haiwan.

## (9) PEGAWAI EKSEKUTIF 5 (SETARA DENGAN PEMBANTU TADBIR PERKERANIAN DAN OPERASI GRED N19)

Klasifikasi Perkhidmatan : Skim Perkhidmatan Bukan Akademik, UPM

Kumpulan : Pelaksana

Gaji : RM1,900 (tiada elaun)

Syarat Lantikan : (1) Warganegara Malaysia;

(2) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

(3) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

Kelayakan SPM:

(4) Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan SPM; atau

(5) Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) mata pelajaran lain di

peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut;

(6) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) di peringkat SPM/ SVM.

Taraf Jawatan : Kontrak

Ringkasan Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi)

Kriteria Lain : Bersedia untuk bekerja dalam sistem 2 syif.

## CARA MEMOHON:

(1) Kepada yang berkelayakan dan berminat untuk kekosongan jawatan-jawatan berkenaan sila isi borang permohonan seperti berikut:

| Bil. | Kumpulan Jawatan | Borang | QR Code Borang |
|---|---|---|---|
| 1. | Pengurusan & Profesional | Borang Permohonan Jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (SOK/BUM /BR03/JAWATAN 01) | |
| 2. | Pelaksana | Borang Permohonan Jawatan Kumpulan Pelaksana (SOK/BUM/BR03/JAWATAN 02) | |

(2) Sila hantarkan borang yang telah lengkap diisi beserta salinan kad pengenalan (berpalang), salinan surat beranak dan dokumen-dokumen sokongan lain (sijil akademik yang berkaitan) ke alamat:

**Pejabat Pentadbiran**
**Timbalan Dekan Hospital Veterinar**
**Fakulti Perubatan Veterinar**
**Universiti Putra Malaysia**
**43400 UPM Serdang**
**SELANGOR DARUL EHSAN**
**(u.p: Ahmad Azlan Ahmad Saad)**

(3) **PERHATIAN:**

(i) Permohonan yang tidak lengkap diisi atau lewat diterima tidak akan dilayan;
(ii) Hanya calon yang berjaya dalam proses saringan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga; dan
(iii) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan boleh menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Sekian, Terima Kasih.

**AHMAD AZLAN BIN AHMAD SAAD**
Pegawai Tadbir
Hospital Veterinar Universiti
Fakulti Perubatan Veterinar
Universiti Putra Malaysia
No. Tel.: 03 – 9769 3886/ 3430

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

**BORANG PERMOHONAN YANG LENGKAP DIISI HENDAKLAH DIHANTAR KE ALAMAT DI ATAS SELEWAT-LEWATNYA PADA:**

| | | |
|---|---|---|
| **Pegawai Farmasi (UF41)**<br>**Penolong Pegawai Farmasi (U29)** | : | **26 MEI 2023 (JUMAAT)** |
| **Lain-Lain Jawatan** | : | **2 JUN 2023 (JUMAAT)** |